

**Mubarak Kedah Mahu Jawatankuasa Pemantau Pemilihan Umno Tegas  
Bernama  
15 Ogos, 2013**

KULIM, 14 Ogos (Bernama) -- Majlis Bekas Wakil-wakil Rakyat Malaysia (Mubarak) Kedah menggesa jawatankuasa pemantau pemilihan pada mesyuarat cawangan dan bahagian Umno di negeri ini menjalankan tugas dengan tegas.

Setiausaha Mubarak Kedah Datuk Mohd Hadzir Ismail berharap jawatankuasa pemantau pemilihan Umno yang sedang berjalan kini dapat melaksanakan tugas dengan adil dan telus serta berkecuali tanpa memihak mana-mana kumpulan.

"Ini berikutan ada rungutan daripada sebilangan cawangan di Kedah bahawa terdapat jawatankuasa berkenaan menjalankan tugas tanpa mematuhi garis panduan yang ditetapkan," katanya kepada Bernama di sini Khamis.

Beliau berkata Mubarak Kedah tidak mahu nama baik Umno tercalar akibat kecuaiannya jika terdapat pihak jawatankuasa yang memihak untuk kemenangan pihak tertentu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970159>